

## **Manifestasi *Ta'awun* NGO Islam Dalam Menyantuni Golongan B40 di Sabah Semasa Pandemik Covid-19**

### ***Islamic NGOs Manifestation of Ta'awun in Supporting the B40 Group in Sabah during the COVID-19 Pandemic***

Sintang, S. (Pengarang Penghubung)

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: +6019-8801607 Emel: [suraya@ums.edu.my](mailto:suraya@ums.edu.my)

Abdul Hamid. F.A.

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota - Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: +6014-9629451 Emel: [azhamid1993@gmail.com](mailto:azhamid1993@gmail.com)

Samsul, S. S.

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: +6017-3769436 Emel: [syafiqahsyuhadasamsul@gmail.com](mailto:syafiqahsyuhadasamsul@gmail.com)

Prasojo, Z.H.

Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Pontianak, Jalan Suprpto No.19, 78121 Kota Pontianak, Indonesia

Tel: +62-561734170 Emel: [zaestain@yahoo.com](mailto:zaestain@yahoo.com)

Abang Muis, A. R.

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: +6014-5968478 Emel: [amrazif@ums.edu.my](mailto:amrazif@ums.edu.my)

Ramlie, H. A.

Fakulti Pengajian Islam Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: +6019-3578540 Emel: [habibah\\_artini@ums.edu.my](mailto:habibah_artini@ums.edu.my)

#### **Abstrak**

Manifestasi *ta'awun* (saling bertolongan) direalisasikan melalui aktiviti kesukarelawanan bagi memenuhi tanggungjawab sosial terhadap golongan B40. Aktiviti ini dijalankan oleh Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) Islam bagi menyantuni golongan B40 di Sabah semasa pandemik COVID-19. Artikel ini membincangkan aktiviti agihan sumbangan COVID-19 oleh NGO Islam dan faktor

yang memotivasikan NGO ini dalam menggerakkan aktiviti kesukarelawanan kepada golongan B40 di Sabah meliputi kawasan bandar dan luar bandar. Pengumpulan data menggunakan metode kualitatif melalui kaedah temu bual mendalam bersama pengurus dan wakil pemimpin NGO Islam terpilih, iaitu Pertubuhan Kebajikan An-Najiyah Sabah (PKAN) dan Aman Palestin Sabah (APS). Hasil kajian menunjukkan manifestasi *ta'awun* yang dipaparkan melalui bantuan

NGO Islam ini bukan sekadar berfokus kepada bantuan kebendaan yang bersifat *one-off* mahupun berkala tetapi turut memberikan bantuan yang mampu mengubah mentaliti dan cara hidup golongan B40 ke arah cara hidup Islami. Semangat untuk terus berbakti ini didorong atas faktor kekuatan dalaman yang dibina berasaskan ajaran Islam untuk sentiasa peduli terhadap ummah, berlumba-lumba melakukan kebaikan dan mendapatkan saham akhirat. Gerak kerja seperti inilah yang membezakan NGO Islam dengan NGO lain yang turut melaksanakan program sosial yang berorientasikan kebajikan. Impak kajian ini dapat menyumbang kepada pembangunan komuniti yang lebih luas di Sabah yang melibatkan inisiatif pemberdayaan golongan terpinggir.

**Kata kunci:** *Ta'awun*; NGO Islam; Golongan B40; Kesukarelawanan; COVID-19

### **Abstract**

*The expression of ta'awun is actualized through engaging in volunteer work to fulfil the societal duty of taking care of the impoverished or B40 group. This volunteering initiative is conducted by an Islamic-oriented Non-Governmental Organisation (NGO) with the aim of assisting the B40 in Sabah during the COVID-19 pandemic. This article explores the allocation of COVID-19 donations facilitated by Islamic NGOs and the motivating elements behind these efforts to organise volunteer initiative for the B40 group in Sabah, encompassing both urban and rural areas. Data gathering employs qualitative methods by conducting in-depth interviews with representatives of Islamic NGO leaders, notably Sabah An-Najiyah Charity Organisation (PKAN) and Aman Palestin Sabah (APS). The study's findings indicate that the expression of ta'awun,*

*demonstrated through NGO Islamic charity, extends beyond irregular or occasional material assistance. It also encompasses aid that has the potential to transform the mindset and lifestyle of the B40 group towards an Islamic way of life. The motivation to persist in serving others is fueled by the inherent resilience cultivated through adherence to Islamic principles, which emphasise the perpetual concern for the ummah, the pursuit of virtuous deeds, and the pursuit of rewards in the hereafter. The type of work being referred to is what sets Islamic NGOs apart from other NGOs that also carry out social programmes focused on well-being. This study will give impact on how the activities of Islamic-oriented NGOs contribute to broader community development in Sabah, particularly on the empowerment of marginalized groups.*

**Keywords:** *Ta'awun*; NGO Islam; Group B40; Volunteering; COVID-19

### **Pengenalan**

Pada dasarnya semua agama menganjurkan kebaikan melalui sikap saling bertolong-tolongan dalam memperkasakan individu dan masyarakat meliputi aspek bantuan dari segi sokongan sosial dan intervensi spiritual (Mohamad Nur, N. S. et al., 2018). Agama Islam meletakkan prinsip *ta'awun* atau saling bertolong-tolongan sebagai salah satu prinsip nilai dalam menyantuni golongan yang memerlukan. Perkara ini menjadi salah satu saranan yang ditekankan dalam al-Quran dan hadis. Salah satu daripada bantuan dan sokongan sosial ialah melalui aktiviti kesukarelawanan. Syed Hassan dan Zakaria (2011) menyatakan aktiviti kesukarelawanan bertunjangkan konsep *ta'awun* merangkumi prinsip *hablu min Allah wa hablu min an al-nas*, iaitu hubungan dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia ini dapat memenuhi tuntutan fardu kifayah iaitu,

tanggungjawab sosial yang wajib dilaksanakan bersama. Kesukarelawanan daripada perspektif Islam bermaksud memberi khidmat bakti kepada manusia lain dengan hati yang ikhlas kerana Allah SWT sentiasa menjaga sahsiah yang baik dan sentiasa memelihara batas-batas syariah. Majlis Sosial Negara (MSN) mentakrifkan kesukarelawanan sebagai satu semangat atau dasar sosial yang bertujuan memberi sumbangan khidmat sosial secara sukarela membantu mereka yang memerlukan dalam apa jua bidang yang tidak bercanggah dengan undang-undang dan batasan moral masyarakat (Mohamed, 2021). Melalui aktiviti kesukarelawanan inilah, Organisasi Bukan Kerajaan (*Non-Governmental Organization/NGO*) dapat menonjolkan manifestasi *ta'awun* yang merupakan dasar dan tunjang gerak kerja NGO.

Dalam konteks pandemik COVID-19 yang melanda dunia dan Malaysia tidak terkecuali daripada menghadapi malapetaka ini dan disifatkan sebagai bencana alam yang membunuh secara senyap dan sukar dikawal. COVID-19 atau dalam bahasa Inggeris dipanggil sebagai *Coronavirus Disease* merupakan virus yang berasal daripada Wuhan, China yang dipercayai mudah berjangkit dan disifatkan berbahaya kerana orang yang dijangkiti terdedah kepada risiko kematian. *World Health Organization* (WHO) melabelkan virus ini sebagai pandemik pada 11 Mac 2020. Pandemik bermaksud wabak penyakit yang tersebar dengan begitu meluas, sama ada hingga ke seluruh wilayah, benua atau dunia. Kes COVID-19 pertama di Malaysia dikesan pada 25 Januari 2020. Dalam mengurangkan peningkatan kes COVID-19 di Malaysia, kerajaan telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ke atas semua rakyat. PKP ini sangat memberi kesan ekonomi kepada rakyat khususnya golongan B40 kerana keterbatasan

pergerakan untuk mereka mencari rezeki dan terjejas akibat peluang pekerjaan yang berkurangan dan kehilangan pekerjaan dan mata pencarian (Hasbullah & Ab Rahman, 2020). Penilaian *World Islamic Development* turut mengesahkan bahawa krisis COVID-19 memberi kesan buruk terhadap isi rumah berpendapatan rendah dan perniagaan kecil dan sederhana (Mohamad & Basah, 2022).

Pelbagai pihak yang merupakan pemegang taruh di Malaysia seperti kerajaan persekutuan dan negeri, syarikat korporat, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), dan individu telah tampil dalam menghulurkan bantuan dan sumbangan. Dalam konteks Sabah, tekanan hidup yang dihadapi oleh golongan B40 ini turut menjadi perhatian pihak NGO khususnya NGO Islam (Sintang & Tandra, 2022). Makalah ini bertujuan membincangkan aktiviti agihan sumbangan COVID-19 yang dijalankan oleh NGO Islam dan faktor yang memotivasikan NGO ini dalam menggerakkan aktiviti kebajikan dan kesukarelawanan kepada golongan B40 di Sabah meliputi kawasan bandar dan luar bandar.

### *Konsep Ta'awun dalam Islam*

Perkataan *ta'awun* dalam al-Quran disebut sebanyak dua kali, iaitu dengan sebutan '*ta'awanu*' (al-Mai'dah 5:2) dan '*a'anah*' (al-Furqan 25: 4), dalam hadis disebut dengan perkataan '*a'an*' (Sunan Ibn Majah) dan '*a'anah*' (Sunan al-Nasa'ie) yang kesemuanya bermaksud tolong menolong. Al-Quran dalam Surah al-Mai'dah menyatakan ayat ini yang bermaksud "Dan bertolong-tolonglah kamu dalam melakukan kebaikan dan ketakwaan, dan janganlah kamu tolong menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan." Mohd. Ghazali et al. (2022) menukilkan tafsiran al-Qurtubi (1964) mengenai ayat tersebut bahawa "*wa ta'awanu alal birri wa al-*

*taqwa*” ini bermaksud satu suruhan dan galakan daripada Allah SWT untuk semua manusia agar bantu-membantu dalam melaksanakan perintah Allah SWT serta beramal dengannya serta menjauhkan diri daripada laranganNya. Suruhan Allah SWT terhadap orang mukmin untuk melakukan kebaikan merujuk maksud ‘*al-bir*’ dan meninggalkan kemungkaran merujuk kepada perkataan ‘*taqwa*’. Dalam pada itu, Allah SWT juga menyebut “*wa la ta’awanu alal ithmi wa al-udwan*” yang bermaksud tidak melakukan maksiat yang mendatangkan dosa kepada pelakunya dan tidak melampau dalam tindakan terhadap nyawa, harta dan sebagainya. Setiap insan wajib menjauhkan diri daripada maksiat dan membantu orang lain agar meninggalkannya.

Manakala, al-Quran Surah al-Furqan ayat 4 yang bermaksud, “Orang-orang kafir berkata: al-Quran ini tidak lain hanyalah kebohongan yang diada-adakan oleh dia (Nabi Muhammad SAW), dibantu oleh orang-orang lain. Sesungguhnya mereka telah berbuat zalim dan berdusta besar”. Mohd. Ghazali et al. (2022) menukilkan pendapat al-Maturidi yang menerangkan bahawa apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW hanyalah rekaan semata-mata, dan ahli kitab juga membantu dalam rekaan tersebut. Ini kerana mereka mendapati apa yang disebutkan di dalam Taurat dan Injil terdapat persamaan yang dikhabarkan oleh Nabi Muhammad SAW. Berdasarkan kedua-dua ayat di atas, *ta’awun* bermaksud keterlibatan dua orang atau lebih dalam menjayakan sesuatu perkara sama ada saling bertolongan kepada perkara kebaikan dan saling bertolongan dalam menghindari kemungkaran dan perbuatan dosa.

Mohd. Ghazali et al. (2022) selanjutnya menjelaskan hadis yang berkaitan dengan bantu membantu melalui hadis Sunan Ibn Majah menyebut yang bermaksud,

“Rasulullah SAW bersabda: Barangsiapa yang membantu persengketaan dengan cara zalim atau membantu kezaliman, maka dia akan sentiasa dalam kemurkaan Allah sehingga dia meninggalkan.” *Ta’awun* dalam hadis ini merujuk kepada tolong-menolong dalam perbalahan dengan cara zalim, dan perkara ini dilarang oleh Nabi Muhammad SAW kerana tidak dibenarkan melakukan kezaliman apatah lagi membantu dalam kezaliman. Perlakuan ini seolah-olah dia menggantikan orang yang melakukan kezaliman atau bersaksi dengan syahadah palsu atau seumpamanya dalam membantu orang zalim mencapai sesuatu yang bukan haknya. Selain itu, hadis *Sunan al-Nasaei* menyebut, “Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: Sesiapa yang mengurus urusan kamu, apabila Allah SWT menginginkan kebaikan, Allah SWT akan menjadikan orang yang soleh sebagai penolongnya. Jika dia lupa akan mengingatkannya, jika dia ingat akan membantunya.” Kedua-dua hadis ini menganjurkan untuk saling bertolongan pada perkara kebaikan dan melarang untuk menolong pada perkara kezaliman dan perbuatan dosa.

Saranan untuk saling bertolongan pada perkara kebaikan dan kebajikan dalam kedua-dua hadis ini tidak jauh berbeza dengan gesaan kedua-dua ayat al-Quran yang dinyatakan di atas. Tolong menolong merupakan salah satu nilai murni dalam menjalani kehidupan bermasyarakat. *Ta’awun* dapat didefinisikan sebagai bantuan timbal balik atau saling bekerjasama demi kebaikan. Daripada perspektif syariah, *ta’awun* dilarang untuk digunakan dalam hal atau urusan kejahatan, dan kegiatan berbahaya. *Ta’awun* tidak memandang tahta, pangkat, pendidikan ataupun darjat dalam melakukan kebaikan sesama manusia terutama kepada saudara yang seiman. Hal ini kerana saudara seiman memiliki kaitan yang erat dan diibaratkan sebagai organ tubuh yang mana organ

tubuh yang satu mengalami kesakitan maka organ tubuh yang lain akan membantu untuk menyembuhkan bahagian yang sakit atau memerlukan bantuan. Amalan kerjasama, tolong menolong, bantu-membantu dan bergotong royong dalam kebaikan dan kebajikan, dan hal ini menunjukkan sikap kebertanggungjawaban setiap individu terhadap individu yang lain dalam kehidupan bermasyarakat. Golongan lemah memerlukan pertolongan daripada yang kuat dan golongan yang kuat mestilah sentiasa bersedia menghulurkan bantuan. Inilah antara matlamat Islam dalam membentuk masyarakat yang ideal (Mohamad Nur et al., 2018).

Prinsip *ta'awun* ini juga merupakan salah satu asas dalam pembentukan Piagam Madinah. Piagam ini berjaya mengurus masyarakat majmuk sehingga menjadi simbol kekuatan kerajaan Madinah. Piagam ini menjelaskan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh masyarakat majmuk dan salah satu daripada tanggungjawab tersebut ialah saling membantu dalam menegakkan keadilan, menentang kezaliman dan mempertahankan Madinah. Terdapat tiga faktor yang menunjukkan wujudnya *ta'awun* dalam Piagam Madinah, iaitu perihal mempertahankan negara, pemerikasaan ekonomi dan menegakkan hak asasi manusia. Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, "Tidak beriman (secara sempurna) seseorang kamu hingga dia mencintai saudaranya sebagaimana dia mencintai dirinya sendiri". Hadis ini menjelaskan bahawa Islam sangat menggalakkan amalan *ta'awun* bagi membina hubungan baik sesama manusia dan hal inilah yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW sehingga berjaya mempersaudarakan golongan Muhajirin dan Ansar. Amalan *ta'awun* yang wujud dalam Piagam Madinah adalah hasil daripada penerapan prinsip toleransi, kasih sayang, hormat menghormati, keadilan dan

tanggungjawab (Embong, 2016). Maka, manifestasi *ta'awun* dalam makalah ini menjelaskan penglibatan NGO Islam di Sabah dalam aktiviti bantuan yang dihulurkan kepada golongan sasar yang memerlukan khususnya sepanjang pandemik melanda.

Konsep *ta'awun* ini turut dijelaskan dengan lebih terperinci oleh (Qomaro & Oktasar, 2018) menyatakan *ta'awun* boleh diterjemahkan dalam enam perkara iaitu, *ta'awun* dalam kebajikan dan ketakwaan mencakupi kebajikan universal (*al-birr*) dengan penuh ketaatan sepenuh hati (*at-taqwa*); *ta'awun* dalam bentuk *wala'* (kesetiaan) antara Muslim yakni tidak mengabaikan saudara seIslam, *ta'awun* yang berkaitan dengan kehidupan bermasyarakat dan saling melindungi; *ta'awun* dalam *ittihad* (persatuan) yang harus ditegakkan atas kebajikan dan ketakwaan sehingga menimbulkan semangat solidariti sesama saudaranya; *ta'awun* dalam bentuk *washi* (saling berwasiat) dalam kebenaran dan kesabaran; *ta'awun* dalam menghilangkan kesusahan kaum Muslimin, menutup aib mereka, mempermudah urusan mereka, menolong mereka dari orang yang melakukan aniaya mengingatkan orang yang lalai, menghiburkan orang yang sedang berdukacita, meringankan mereka yang ditimpa musibah dan menolong mereka dalam segala hal yang baik.

Prinsip *ta'awun* merupakan kesedaran adanya tolong-menolong yang tidak mengharap keuntungan dari suatu urusan tertentu. Prinsip *ta'awun* berpegang teguh dengan tauhid dan ketakwaan dalam kebaikan dan prinsip *ta'awun* ini berbeza daripada konsep tolong menolong dalam urusan perniagaan yang lebih mengharap kebaikan bersama. Gambaran prinsip *ta'awun* bagi para pelaku bisnis adalah memiliki kewajiban untuk mengeluarkan zakat bagi mereka yang

memenuhi nisab, keharusan mengeluarkan infak dan *ṣadaqah*. Zakat, infak dan *ṣadaqah* diperuntukkan dan ditujukan bagi mereka yang berada dalam kesulitan. Dengan zakat, infak dan *ṣadaqah* diharapkan dapat membantu mereka yang berada dalam kesulitan.

Sesungguhnya, prinsip *ta'awun* ini selari dengan keprihatinan Islam terhadap permasalahan kemiskinan apabila Islam meletakkan kemiskinan di bawah konsep *du'afā'* (dhaif). Dalam konteks yang lebih umum, Islam menjelaskan golongan *du'afā'* ini terdiri daripada anak-anak yatim, orang-orang miskin, ibnu sabil (musafir); orang yang meminta-minta; hamba sahaya, Orang Kurang Upaya (OKU), janda miskin, orang yang berpenyakit, tahanan atau tawanan, muafak, fakir, orang yang berhutang, orang yang berjuang di jalan Allah SWT, buruh kasar, rakyat yang tertindas serta kanak-kanak dan bayi. Masalah yang dihadapi oleh kaum *du'afā'* tidak semestinya bersangkutan kelemahan ekonomi semata-mata bahkan lemah pada aspek kemampuan fizikal, aspek pengetahuan dan aspek keyakinan (Farhan, 2015). Novanto, & Aji (2021) menyatakan kemiskinan itu adalah masalah masyarakat yang wajib diselesaikan terutama dalam memberdayakan kaum *du'afā'* yang merupakan sebahagian daripada entiti masyarakat yang perlu disantuni, dibantu keperluan asas mereka dan menggembirakan jiwa mereka melalui amalan berziarah atau aktiviti turun padang. Upaya yang dilakukan untuk mengatasi kemiskinan serta memberdayakan kaum *du'afā'* menurut perspektif Al-Qur'an ialah melalui seruan untuk mencari penghidupan, seruan untuk memberi, seruan agar berinfaq, seruan untuk menunaikan zakat, seruan larangan riba, seruan tidak monopoli (*ihlikar*) dan menimbun harta (*iktinaz*).

### *Peranan Badan Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) terhadap B40 Kesan Pandemik COVID-19*

Sememangnya NGO merupakan agen sosial yang berperanan aktif dalam menangani kemelut yang dihadapi masyarakat tidak hanya ketika pandemik COVID-19 tetapi juga sebarang bencana yang melanda masyarakat Che Soh & Tumin (2017) menyatakan NGO merujuk kepada hampir semua pertubuhan yang diwujudkan di luar daripada lingkungan kerajaan dan bercirikan kesukarelawanan serta menganjurkan aktiviti yang sah menurut undang-undang negara. NGO dikatakan sebagai *inovator* dan perintis dalam mencari peluang baru menawarkan perkhidmatan kepada sesuatu permasalahan yang berlaku dalam masyarakat (Ismail et al., 2017). Aktiviti NGO tidak lagi terhad kepada aktiviti kemanusiaan dan kebajikan seperti kesihatan, khidmat nasihat psikologi, bimbingan agama, malah peranan NGO semakin diiktiraf oleh kerajaan khususnya dalam aspek penggubalan dasar kerajaan (Ahmad et al., 2016). NGO turut membantu dalam memperkasa ekonomi, politik, budaya dan agama. NGO juga merupakan sektor ketiga mewakili masyarakat sivil dan beroperasi dalam persekitaran yang semakin berdaya saing pada hari ini. Istilah NGO ini didakwa telah digunapakai secara rasmi sejak tahun 1945 berikutan penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (Mohamed, 2021).

Peranan NGO dilihat sangat besar terutama dalam sektor yang tidak dapat dipenuhi oleh perkhidmatan kerajaan seperti membantu menyelesaikan masalah dalam negara berkaitan pelbagai isu keperluan sosial termasuk isu kebajikan dan keselamatan sejagat, isu kanak-kanak, isu antarabangsa, isu pengabaian warga emas, isu kemiskinan dan pengangguran yang kesemuanya mempunyai matlamat ke arah

kesejahteraan rakyat (Mohamed, 2021). NGO turut berperanan sebagai orang tengah dan pemudah cara antara agensi kerajaan dan swasta dengan orang ramai menggunakan kemahiran dan pengalaman mereka menawarkan perkhidmatan bantuan bersesuaian dengan keperluan golongan sasar. Terdapat banyak jenis NGO dan salah satu daripadanya adalah NGO yang ditubuhkan atas dasar agama [NGO(A)] sama ada NGO(A) dari kalangan Muslim mahupun bukan Muslim. Keprihatinan sosial merupakan antara faktor yang mendorong NGO Islam khususnya di Sabah untuk tampil sebagai barisan hadapan menghulurkan bantuan kepada golongan B4.

Peranan NGO semakin penting dan begitu menyerlah apabila berlakunya penularan wabak COVID-19 yang melanda negara kerana ia telah memberi impak besar kepada sistem politik, ekonomi, sosial, kesihatan dan pendidikan negara. Golongan B40 merupakan antara golongan yang paling terjejas kerana pelaksanaan PKP telah menyebabkan banyak sektor pekerjaan terpaksa diberhentikan bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Bahkan, penutupan perniagaan semasa PKP telah menyebabkan banyak syarikat tidak dapat menampung kos perbelanjaan termasuklah gaji pekerja hingga menyebabkan syarikat terpaksa membuang pekerja. Natiujahnya berlaku kenaikan kadar pengangguran pada suku tahun pertama iaitu 3.9% berbanding 3.3% pada tahun 2019 (Abdul Rashid, 2020). Berdasarkan Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan Malaysia 2020, sebanyak 20 peratus daripada kumpulan isi rumah M40 berpendapatan di antara RM4,850 dan RM10,959 beralih kepada kumpulan B40 akibat kesan pandemik COVID-19 (BH Online, 6 Ogos 2021). Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) turut menyatakan bermula Februari hingga Jun 2021 jumlah peratusan tidak

bekerja meningkat dan kadar pengangguran dicatatkan sebanyak 4.9% (Sinar Harian, 14 September 2021).

Golongan B40 atau *Bottom 40* merupakan golongan terbawah dalam kelas pendapatan isi rumah di Malaysia. Siwar et al. (2019) menyatakan B40 adalah golongan isi rumah yang memperolehi pendapatan 40 peratus terendah daripada jumlah keseluruhan pendapatan rakyat Malaysia, manakala M40 ialah golongan isi rumah yang memperolehi pendapatan 41% kepada 80 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan rakyat Malaysia dan T20 pula ialah golongan isi rumah yang memperolehi pendapatan 20% tertinggi daripada jumlah keseluruhan pendapatan rakyat Malaysia. Golongan B40 yang merupakan golongan yang berpendapatan rendah sering berhadapan dengan pelbagai situasi yang menjejaskan kehidupan mereka. Contohnya, kebergantungan kepada punca pendapatan rendah dalam keadaan kos sara hidup yang tinggi, ketidakmampuan pemilikan rumah sehingga wujudnya kawasan setinggan dan komuniti gelandangan, keberhutangan yang tinggi, keciciran dalam pendidikan, pengangguran dan kemahiran rendah (Zahari & Siwar, 2019). Individu, keluarga dan komuniti ini sering dikaitkan dengan gambaran kemiskinan yang menghubungkan beberapa kata kunci seperti kekurangan, kesusahan, keperitan dan kepayahan hidup yang dihadapi. Menurut Mustafar et al. (2018), kemiskinan bermaksud sesebuah isi rumah yang berpendapatan bulanan isi rumah adalah kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu, pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah berkenaan memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahlinya berfungsi dalam masyarakat.

Bersandarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah Dan Kemudahan Asas (HIES) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), PGK sebagai pengukuran kepada status kemiskinan isi rumah yang berdaftar dalam Sistem eKasih. Pengukuran PGK terkini merujuk HIES Tahun 2016 bagi Semenanjung Malaysia ialah RM970 sebulan dan Sabah dan Sarawak RM1070 sebulan (Laman Sesawang Rasmi KPKT). Kajian semula PGK bagi satu isi rumah pada tahun 2019, kadar kemiskinan nasional adalah sebanyak RM2,208 sebulan (Mohamad, 2021). Dengan mengambil kira kadar kemiskinan nasional, maka golongan B40 yang diletakkan pada tahap kemiskinan dalam konteks kajian ini merangkumi golongan miskin bandar, miskin luar bandar/pedalaman, gelandangan, warga asing dan pekerja yang diberhentikan (penganggur). Boleh dikatakan golongan B40 ini menghadapi kesukaran hidup tidak hanya sebelum pandemik COVID-19 melanda dan kesukaran ini semakin mendesak apabila berlakunya penularan COVID-19 kerana kebanyakan mereka hilang pekerjaan dan pendapatan. Golongan inilah yang sering menjadi sasaran bantuan NGO agar kesukaran hidup mereka dapat diringankan melalui bantuan yang dihulurkan.

#### *NGO Islam di Sabah*

NGO Islam boleh didefinisikan sebagai badan bukan kerajaan yang berorientasikan Islam di mana matlamat organisasi tersebut adalah menggerakkan misi untuk memartabatkan ajaran agama Islam dan mempamerkan contoh teladan yang baik melalui kerja sukarelawan dan kebajikan. Mohamed (2021) mendefinisikan NGO Islam dengan konsep persaudaraan dalam Islam yang dibina berasaskan kasih sayang, tolong menolong, bertolak ansur antara sesama umat Islam tanpa berkecuali. Ia dibentuk berasaskan

empat elemen iaitu akhlak yang mulia, ikhlas, amanah dan belas kasihan. Melalui semangat persaudaraan inilah, ia mendorong individu Muslim itu menjadi baik, soleh dan *muslih*. Seorang Muslim itu perlu sentiasa menjadi baik supaya ia menjadi cerminan kepada Muslim yang lain. NGO Islam tidak hanya mengkhususkan bantuan kepada umat Islam semata-mata tetapi juga turut menghulurkan pertolongan dan sumbangan kepada mana-mana golongan yang memerlukan tanpa mengira agama dan etnik (Mohamed, 2021). Dengan kata lain, NGO Islam bergerak menyantuni golongan yang memerlukan atas dasar kemanusiaan dan rasa keinsanan untuk berkongsi rezeki dan prihatin terhadap keperluan hidup yang dilalui orang lain.

Terdapat beberapa NGO Islam yang telah berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (*Registry of Society/ROS*). NGO yang berdaftar di bawah ROS adalah berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh ROS iaitu, mesti mempunyai audit NGO yang lengkap, mempunyai minit mesyuarat yang lengkap dan keahlian yang lengkap serta mempunyai buku panduan NGO yang lengkap dan perlu menghantar laporan mesyuarat agung. Kelebihan NGO yang didaftarkan di bawah ROS ialah mereka mempunyai akaun NGO yang sah dan boleh diguna secara sah untuk dana kebajikan serta berhak mendapat 30 peratus daripada dadna untuk digunakan bagi tujuan pengurusan NGO. Antara NGO Islam di Malaysia ialah Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), Empire Project, Humanity, Kindness Malaysia, Yayasan Ihtimam, Yayasan Salam, Dapur Jalanan KL, Pink Skuad, Institut Onn Jaafar, Zaad al-Taqwa (Mohamed, 2021).

Di Sabah, antara NGO Islam yang dikenal pasti aktif menjalankan kerja-kerja amal



kebajikan ialah Hidayah Centre Foundation (HCF), Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA), Pertubuhan Kebajikan An-Najiyah (PKAN), Aman Palestin Cawangan Sabah (APS), Yayasan Amal Malaysia (YAM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA), Mycare Berhad, Malaysia Chinese Muslim (MACMA), Pertubuhan Momogun Muslim SeMalaysia, Tarbiyatun Nisa Sabah, Pertubuhan IKRAM Malaysia, Persatuan Persaudaraan Muslimah Malaysia (SALIMAH), Sahabat Amal Care, Persatuan Profesional Muslim Malaysia, Amal Bakti Likas, Persatuan Siswazah Sabah Kota Kinabalu. Daripada semua senarai NGO Islam ini, kajian ini memfokuskan dua NGO iaitu, Pertubuhan Kebajikan An-Najiyah (PKAN) dan Aman Palestin Cawangan Sabah (APS). Sememangnya tidak dinafikan banyak NGO Islam yang terlibat dalam menyalurkan bantuan kepada B40 sepanjang pandemik melanda, namun kajian ini hanya memfokuskan dua NGO Islam sahaja bagi mendapatkan maklumat awal secara penerokaan terhadap aktiviti bantuan yang mereka laksanakan dan faktor-faktor yang mendorong penglibatan NGO Islam dalam kerja kesukarelawanan dan kebajikan di Sabah.

## Metodologi

Reka bentuk kajian ini adalah penerokaan (eksploratori) yang bertujuan memahami penglibatan NGO Islam dalam aktiviti kesukarelawanan dan kebajikan dengan mensasarkan bantuan kepada golongan B40 di Sabah semasa pandemik COVID-19. Berdasarkan aktiviti inilah, kajian ini turut mengenal pasti beberapa faktor dalaman (*intrinsic factors*) yang memotivasikan NGO Islam terus aktif dalam membantu kumpulan sasar yang memerlukan terutama dalam keadaan kritikal ketika pandemik melanda. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara kajian

lapangan dan sorotan analisis dokumen. Pengumpulan data melalui kajian lapangan melibatkan pemerhatian ikut serta dan temubual mendalam secara bersemuka dan atas talian. Temubual mendalam telah dijalankan bersama wakil pemimpin tertinggi NGO Islam terpilih, iaitu Pertubuhan Kebajikan An-Najiyah Sabah (PKAN) dan Aman Palestin Sabah (APS). Manakala, penelitian terhadap sorotan dokumen pula melibatkan analisis laporan aktiviti yang dijalankan oleh kedua-dua NGO Islam ini. Analisis data secara tematik digunakan bagi menjelaskan dapatan kajian deskriptif berpandukan sumber maklumat, pandangan dan pengalaman informan yang diperolehi daripada transkripsi temubual, pemerhatian di lapangan dan penelitian laporan aktiviti NGO terlibat.

Pemilihan dua NGO Islam ini adalah berdasarkan aktiviti sumbangan yang diberikan kepada golongan B40 di Sabah sepanjang pandemik COVID-19 dan bukan berdasarkan *ranking* atau tahap keaktifan NGO tersebut. Kedua-dua NGO ini juga mendaftar secara rasmi melalui Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (*Registry of Societies/ROS*). Pemilihan Pertubuhan Kebajikan An-Najiyah Sabah (PKAN) sebagai salah satu NGO Islam dalam kajian ini adalah kerana NGO ini merupakan NGO yang baru ditubuhkan ketika pandemik COVID-19 melanda. Manakala, Aman Palestin Sabah (APS) dipilih kerana NGO ini sememangnya aktif menjalankan kegiatan kesukarelawanan dan seringkali terlibat dengan program bantuan kemanusiaan. Pemilihan kedua-dua NGO Islam ini bukan bertujuan untuk membandingkan gerak kerja bantuan yang mereka jalankan ke atas golongan B40, sebaliknya hanya untuk menjelaskan keaktifan NGO tersebut dalam aktiviti kesukarelawanan ketika pandemik COVID-19 melanda negara.

Temu bual secara semi berstruktur dijalankan dan protokol temu bual dimulakan dengan cara menghubungi informan melalui surat rasmi untuk memohon kebenaran dan jemputan persetujuan informan untuk mengadakan sesi temu bual. Hasil daripada persetujuan informan dan tarikh temu bual yang dicadangkan oleh informan, sesi temu bual secara atas talian melalui platform *google meet* diadakan dalam jangka masa sejam hingga dua jam mengikut keselesaan informan dan kesediaan informan berkongsi maklumat yang berkaitan dengan aktiviti bantuan kepada B40 serta faktor yang memotivasikan informan menjalankan aktiviti kebajikan sepanjang pandemik COVID-19 di Sabah. Soalan-soalan yang dilontarkan adalah bersifat terbuka mengikut situasi sepanjang sesi temubual dijalankan. Penyelidik hanya menyediakan soalan utama sahaja dan seterusnya soalan susulan adalah

berdasarkan jawapan responden pada masa temubual separa berstruktur dijalankan. Selanjutnya, analisis data tematik diolah secara deskriptif berpandukan sumber maklumat dan pandangan yang diperolehi daripada transkripsi temu bual dan penelitian laporan aktiviti NGO bersama B40 di Sabah.

## Dapatan dan Perbincangan

### *Latar Belakang NGO Islam Terpilih*

Jadual 1 menjelaskan latar belakang dua NGO Islam yang menjadi fokus utama kajian ini. Keterangan mengenai latar belakang NGO ini merupakan hasil kajian yang diperolehi daripada sesi temubual yang dijalankan bersama informan utama daripada wakil pengurusan tertinggi Aman Palestin Sabah (APS) dan Pertubuhan Kebajikan An-Najiyah (PKAN).

Jadual 1 Latar Belakang Tiga NGO Islam di Sabah

| NGO Islam                              | Latar belakang dan Sejarah Penubuhan  | Informan   |
|--|---|--|
| Aman Palestin Sabah (APS)              | Telah beroperasi sejak 2003 di seluruh negeri dan berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada tahun 2006 dan mempunyai tiga cawangan di luar negara, iaitu Jakarta, Jawa dan Kalimantan. Telah beroperasi sejak 10 tahun yang lalu.. Setiap tahun semenjak 2006 diadakan program kerjasama dengan pihak Istana. Contohnya, Dinner amal dan Golf amal untuk mengumpulkan dana yang diperlukan untuk projek-projek di Palestin. | Jumriati binti Abdullah, Pengurus APS, temu bual atas talian ( <i>google meet</i> ) 6 Ogos 2021          |
| Pertubuhan Kebajikan An-Najiyah (PKAN) | Ditubuhkan pada tahun 2018. Pada awalnya, An-Najiyah ditubuhkan hanya memfokuskan kepada majlis-majlis ilmu, kursus solat, kursus jenazah dan sedikit kebajikan. Visi dan misi An-Najiyah adalah menyampaikan dakwah berkaitan sunnah Rasulullah SAW dan menjalankan aktiviti kebajikan. Bermula pada   | Ridwan Bin Baharuddin, Timbalan Pengerusi PKAN, temu bual atas talian ( <i>google meet</i> ) 4 Ogos 2021 |

|  |   |  |
|--|---|--|
|  | Mac 2020, An-Najiyah ini terlibat dalam aktiviti kebajikan. Ditubuhkan di Sepanggar, Kota Kinabalu dan masih kekal dengan satu cawangan sahaja. Setakat ni mempunyai 25 orang ahli. |  |
|--|---|--|

### *Aman Palestin Sabah (APS)*

Hasil laporan yang diterima daripada Pengurus Cawangan Aman Palestin Sabah (APS), NGO ini telah berjaya mengagihkan sebanyak 1,219 pek sumbangan kepada golongan sasar di seluruh Sabah meliputi kawasan bandar dan luar bandar (Jadual 2). Daripada jumlah tersebut, APS telah mengagihkan sumbangan di sekitar Kota

Kinabalu, antaranya kawasan terlibat ialah Sepanggar, Tamparuli, Putatan, Telipok, dan Inanam. APS turut mengagihkan sumbangan di daerah lain seperti Kota Marudu, Pitas, Kota Belud, Kimanis, Beaufort, Keningau, Papar, Membakut, Telupid, Beluran dan zon pantai timur Sabah merangkumi daerah Sandakan, Lahad Datu dan Kalabakan.

Jadual 2: Aktiviti kebajikan dan kesukarelawanan COVID-19 Aman Palestin Cawangan Sabah

| Tarikh     | Sasaran Bantuan | Lokasi  |
|------------|-----------------|---|
| 14/07/2021 | 22 keluarga     | Kg Lokub<br>Kg Delima<br>Kg Serigai   |
| 11/07/2021 | 26              | Inanam  |
| 9/07/2021  | 43              | Telipok<br>Taman Rugarding<br>Telupid   |
| 8/07/2021  | 32              | Taman Sepanggar<br>Kg Karambunai<br>Kg Wak-wak<br>Kg Gentisan<br>Sepanggar                    |
| 6/07/2021  | 6               | Kg Kiansom<br>Sandakan<br>Tamparuli   |
| April 2021 | 100             | Sepanggar<br>Kudat<br>Keningau<br>Kota Kinabalu   |
| 13/12/2020 | 200             | Kg Bambangan, Kg Sinoko,<br>Kg Binsoluk, Kg Kitana,<br>Kg Brunei Laut Kg Pelali<br>(Membakut) |
| 06/12/2020 | 100             | Kg Nipah Batu 7 dan<br>Kg Sundang Laut  |
| 05/12/2020 | 70              | Penempatan jalan<br>kalola  |
| 03/12/2020 | 120             | Kg Balaban dan<br>Kg Kolapis Belut  |
| 01/12/2020 | 100             | Kampung sekitar<br>Keningau   |

|            |     |  |  |
|------------|-----|--|--|
| 25/11/2020 | 100 | Kg Langkon lama<br>Kg Marudu Darat<br>Kg Kerongkom<br>Kg Ongkilan<br>Kg Tanjung Batu Laut<br>Kg Marisimsim                         |  |
| 22/11/2020 | 100 | Kg Maliau<br>Kg singgamata<br>Kg tapan,<br>Kg Tabiu,<br>Kg Lumau<br>Pekan Telupid  |  |
| 6/11/2020  | 200 | Kg Numbak<br>Kg Kibagu<br>Kg Pulau Penampang<br>Kg Rasa Ria<br>Kg Tg Badak<br>Skim Penempatan<br>Telipok<br>Rumah Flat Putera Jaya |  |

Sejak pandemik melanda, APS telah melancarkan Tabung Perwira COVID-19 pada April 2020 dan telah berjaya mengumpul dana sebanyak RM750,000 daripada sumbangan orang ramai pada Siri 1.0 dan 2.0. Daripada jumlah dana tersebut, sebanyak RM250,000 diperuntukkan untuk golongan B40 di Sabah. Sementara itu, Tabung Perwira COVID-19 Siri 3.0, APS menyasarkan kutipan sebanyak RM1 juta. Pada Siri 1.0 dan 2.0, bantuan yang diberikan oleh APS ialah kit barang keperluan asas seperti beras, tepung, minyak, telur, mee, sardin, susu dan lain-lain. Nilai setiap pek sumbangan yang diberikan kepada golongan sasar berjumlah RM100 untuk setiap pek. Namun begitu, pada siri 3.0 ini, APS telah memberikan kit barang keperluan asas bernilai RM50 berserta wang tunai RM100 kepada setiap penerima yang terkesan akibat kehilangan kerja dan menampung kos utiliti bagi menampung kos bayaran air dan elektrik. Kaedah bantuan adalah secara *one-off* dan berkala.

Berdasarkan temu bual bersama Pengurus APS, Puan Jumriati Binti Abdullah menyatakan dana yang terkumpul dan telah diagihkan sepenuhnya hasil daripada kutipan orang ramai melalui kempen

Tabung Perwira COVID-19 yang telah dilancarkan pada April 2020. Bagi memudahkan proses pengagihan bantuan, NGO ini telah bekerjasama dengan pihak kerajaan dan NGO kawasan agihan. Antaranya adalah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM), Pejabat Daerah, Kelab Kebajikan An-Nur Beluran, Kelab Kebajikan dan Rekreasi Pitas, Relawan Muda ISMA, Kelab Perwira, Belia Masjid Yusuf Al-Qardhawi Telupid, Persatuan Belia Inspirasi Keningau (SENI), dan Yayasan Maghfirah. Golongan sasar yang mendapat manfaat daripada dana ini adalah mereka yang berstatus miskin bandar, miskin pedalaman, mualaf B40, keluarga asnaf, warga asing, gelandangan, pelajar sekolah, pekerja yang diberhentikan, ibu tunggal dan bukan Muslim. Dianggarkan 30 peratus daripada jumlah agihan telah diberikan kepada golongan B40 bukan Muslim. Hal ini menunjukkan APS menyantuni setiap lapisan masyarakat tanpa mengira status kewarganegaraan dan agama

*Pertubuhan Kebajikan An-Najiyah*

Hasil laporan yang diterima daripada Timbalan Pengerusi Pertubuhan Kebajikan An-Najiyah (PKAN), telah mengagihkan sebanyak 6245 pek sumbangan kepada golongan B40 (Jadual 3). Agihan bantuan diedarkan di sekitar Kota Kinabalu meliputi kawasan Sepanggar, Likas, Luyang, Inanam, Penampang, Putatan, Telipok, Tuaran dan Menggatal, melibatkan lebih daripada 40 buah kampung. Daerah lain yang turut terlibat menerima bantuan daripada PKAN ialah Papar, Beaufort dan

Kundasang. Jenis bantuan yang diberikan oleh PKAN sama seperti NGO lain, iaitu barang keperluan asas dan wang tunai. Selain daripada kit barang keperluan asas, PKAN turut memberikan bantuan khas kepada pelajar sekolah daripada keluarga/isi rumah B40 iaitu bantuan telefon pintar (*smart phone*) bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Bantuan khas ini diberikan kepada 20 pelajar di SMK Bandaraya Kota Kinabalu dan SMK Badin Tuaran.

Jadual 3 Aktiviti Agihan Sumbangan Pertubuhan Kebajikan An-Najiyah (PKAN) kepada Golongan B40

| Tarikh     | Jenis Bantuan                               | Sasaran Bantuan                             | Lokasi                   |
|------------|---|---|--------------------------|
| 26/1/2021  | Barangan Asas                               | 50 keluarga                                 | Kg Sungai Darau          |
| 30/1/2021  |   | 4   | Likas                    |
| 1/2/2021   |   | 30  | Bukit Kitubo Inanam      |
|            |   | 50  | Pekan Menggatal          |
|            |   | 30  | Kg Juara                 |
|            |   | 20  | Sekitar Kota Kinabalu    |
| 7/2/2021   |   | 14  | Kg Kalansanan            |
|            |   | 50  | Sulaman Kingfisher       |
|            |   | 51  | Sekitar Kota Kinabalu    |
| 10/2/2021  |   | Telefon Pintar/wang tunai/<br>Barangan Asas | 10 pelajar               |
| 15/2/2021  | Barangan Asas                               | 39 keluarga                                 | Kg. Selamat Rampayan     |
|            |   | 41  | Sekitar Kota Kinabalu    |
| 22/2/2021  |   | 60  | Kg Rampayan Laut         |
| 26/2/2021  | Telefon Pintar/wang tunai/<br>Barangan Asas | 10 pelajar                                  | SMK Badin Tuaran         |
| 11/3/2021  | Barangan Asas                               | 50  | Kg Gudon                 |
| 19/4/2021  |   | 60  | Bukit Sepanggar          |
|            |   | 50  | Kg Sungai Darau          |
|            |   | 90  | Sulaman Kingfisher       |
| 24/4/2021  |   | 90 keluarga                                 | Kg Tatahan Inanam        |
| 25/4/2021  |   | 80  | Kg Yumin Penampang       |
|            |   |   |                          |
| 1/5/2021   | Barangan Asas                               | 100   | Kg Lok Buno Sepanggar    |
| 2/5/2021   |   | 40  | Kg Dumpil Putatan        |
|            |   | 25  | Rumah sewa Kg Likas      |
| 5/5/2021   |   | 15 pengawal keselamatan                     | sekitar Kota Kinabalu    |
| 6/5/2021   |   | 15  |                          |
| 8/5/2021   |   | 20  | sekitar Sepanggar        |
| 9/5/2021   |   | 40  |                          |
|            |   | 20  | sekitar Kota Kinabalu    |
| 12/5/2021  |   | 30  | Kawasan CKS Telipok      |
|            |   | 25  | Kayu Madang KKIP         |
|            |   | 65  | Kg Bunga Kingfisher      |
|            |   | 30  | Kg Sinulihan             |
|            |   | 50  | Suria Inanam/Inanam Laut |
| 25/6/2021  |   | 7   | Bukit Tuaran Impian      |
| 27/6/2021  |   | 20  | Sekitar Kota Kinabalu    |
| 4/7/2021   |   | 7   | Telipok Ria              |
|            |   | 53  | Sulaman Kingfisher       |
| 09/07/2021 |   | 4   | Kg Saga Penampang        |

|            |               |            |                                   |
|------------|---------------|------------|-----------------------------------|
| 10/7/2021  |               | 3 keluarga | Telipok Ria                       |
| 11/7/2021  |               | 30         | Bukit Sepanggar                   |
|            |               | 15         | Rampayan                          |
|            |               | 5          | Kitubo Inanam                     |
| 19/7/2021  |               | 45         | Cendrakasih Kelombong             |
|            |               | 25         | karambunai Sepanggar              |
|            |               | 20         | KKIP Selatan                      |
|            |               | 10         | CKS Telipok                       |
| 20/7/2021  |               | 50         | Sungai Darau                      |
| 1/8/2021   |               | 14         | Nongkulod Tuaran                  |
|            |               | 8          | sekitar Kota Kinabalu             |
| 8/8/2021   |               | 21         | Jalan SMK Tun Fuad                |
|            |               | 45         | Kg Cendramata Likas               |
|            | Jumlah        | 1736       |                                   |
| 11/4/2020  |               | 13         |                                   |
| 18/4/2020  |               | 50         |                                   |
| 21/4/2020  |               | 71         |                                   |
| 02/5/2020  |               | 109        | sekitar Kota Kinabalu             |
| 07/5/2020  |               | 220        |                                   |
| 09/5/2020  |               | 224        |                                   |
| 16/5/2020  |               | 30         | Kuala Menggatal                   |
|            |               | 20         | Flat Seri Indah                   |
|            |               | 20         | Kg Lokub                          |
|            |               | 20         | Kg Tebobon                        |
|            |               | 6          | Bukit Tuaran Impian               |
|            |               | 20         | SMK Bandaraya                     |
|            |               | 15         | Pulutan Menggatal                 |
|            |               | 30         | Bukit Lorong Kumbang Inanam       |
|            | Barangan Asas | 40         | Pekan Inanam /sekitar Inanam      |
|            |               | 20         | Kg Tatahan Inanam                 |
|            |               | 6          | Jalan Nontun Juta Inanam          |
|            |               | 20         | Kg Baru Luyang                    |
| 17/5/2020  |               | 150        | Likas Square kawasan pembinaan    |
|            |               | 100        | Kg bakau Alam mesra               |
| 10/6/2020  |               | 40         | Teluk Layang Likas                |
|            |               | 50         |                                   |
| 25/9/2020  |               | 3          | Telipok                           |
| 15/10/2020 |               | 100        | sekitar Kota Kinabalu             |
| 16/10/2021 |               | 100        | Kg Baru Luyang                    |
|            |               | 43         | Kg Padas, Menggatal               |
|            |               | 102        | Flat Seri Indah                   |
|            |               | 56         | Teluk Layang Likas                |
|            |               | 15         | Pulutan Menggatal                 |
|            |               | 50         | Hulu Telipok                      |
| 17/10/2021 |               | 15         | Kg Limawang Tuaran                |
|            |               | 30         | Kg Laya-Laya Tuaran               |
|            |               | 40         | KKIP Sepanggar                    |
|            |               | 72         | Cendramata Likas                  |
|            |               | 37         | Lembaga Padi                      |
|            |               | 50         | setinggalan Seri Warisan Inanam   |
|            |               | 8          | Kedai Sulaman Central             |
|            |               | 20         | Belakang One B                    |
|            |               | 30         | Penbinaan kawasan Bukit Sepanggar |
| 24/10/2020 |               | 10         | Kg Gudon                          |
|            |               | 30         | Kg Tebobon                        |
|            |               | 20         | Pekan Menggatal                   |
|            |               | 37         | PPRT Puri                         |
| 25/10/2020 |               | 30         | Kg Saga                           |

|            |               |      |                                 |
|------------|---------------|------|---------------------------------|
|            |               | 30   | Kg Tebobon                      |
|            |               | 30   | PPRT Telipok Ria                |
|            |               | 30   | KKIP Selatan                    |
| 31/10/2020 |               | 126  | sekitar Kota Kinabalu           |
| 01/11/2020 |               | 50   | Kg Lokub                        |
|            |               | 30   | PPRT Telipok Ria                |
|            |               | 10   | Rampayan Menggatal              |
|            |               | 30   | Simpang UiTM                    |
| 07/11/2020 |               | 200  | Belakang 1B                     |
|            |               | 30   | Kg Padas                        |
|            |               | 35   | Bukit Grace Kelombong           |
|            |               | 15   | Kg Bambangan Inanam             |
|            |               | 5    | Kg Petagas                      |
|            | Barangan Asas | 20   | Syah Bandar Tuaran              |
|            |               | 10   | Bukit Lorong Kumbang Inanam     |
| 14/11/2020 |               | 13   | Hulu Telipok                    |
|            |               | 14   | belakang Cosmo Point            |
|            |               | 5    | Kitubo Inanam                   |
|            |               | 15   | Parit Albion                    |
|            |               | 21   | Kg Perpaduan                    |
|            |               | 41   | Sungai Darau                    |
|            |               | 19   | Kg Sinulihan                    |
|            |               | 34   | setinggalan Seri Warisan Inanam |
|            |               | 38   | Bukit Sepanggar                 |
|            |               | 40   | sekitar Kota Kinabalu           |
|            |               | 20   | belakang balai Bomba kelombong  |
| 15/11/2020 |               | 245  | Belakang One B                  |
| 21/11/2020 |               | 100  | sekitar Kota Kinabalu           |
|            |               | 32   | Kg Tatahan Inanam               |
| 22/11/2020 |               | 200  | Belakang One B                  |
|            |               | 60   | Kundasang                       |
| 28/11/2020 |               | 60   | Cendrakasih Kelombong           |
|            |               | 50   | Papar                           |
|            |               | 50   | Beaufort                        |
| 29/11/2020 |               | 100  | Kg Penimbawan Tuaran            |
|            |               | 30   | Kg Selamat Rampayan             |
| 06/12/2020 |               | 500  | Belakang 1B                     |
|            |               | 4509 |                                 |

Berdasarkan temu bual bersama, Encik Ridwan Bin Baharuddin, Timbalan Pengerusi PKAN, dana yang terkumpul dan telah diagihkan adalah hasil daripada kutipan orang ramai dan beberapa rakan kerjasama, iaitu Pusat Zakat Sabah, Saluran Dakwah MRJ Team dan Pua Payung. Golongan B40 yang mendapat manfaat daripada dana ini adalah mereka yang berstatus miskin bandar terutamanya dari kalangan pemandu bas, teksi dan lori, warga asing, gelandangan, pelajar B40, pekerja yang diberhentikan dan nelayan. Dianggarkan 65% daripada dana disalurkan kepada warga asing yang berstatus tanpa dokumen dan 35% diberikan kepada

warganegara. PKAN turut mengagihkan lima peratus bantuan kepada golongan B40 bukan Muslim. Agihan bantuan diberikan kepada golongan B40 tanpa mengira latar belakang agama dan status kewarganegaraan.

#### *Faktor Pendorong Memotivasikan NGO Islam Menjalankan Aktiviti Kebajikan*

Sepanjang PKP yang dikuatkuasakan daripada Mac 2020 sehingga September 2021, golongan B40 amat terkesan dari segi ekonomi akibat kehilangan mata pencarian. Bagi golongan B40 yang berstatus bukan warganegara, terdapat daripada kalangan

mereka yang terputus bekalan makanan kerana tidak mendapat apa-apa bantuan daripada pihak kerajaan sepanjang fasa PKP. Bebanan hidup yang semakin menekan inilah yang mendorong NGO Islam di Sabah tampil menghulurkan bantuan dari segi kewangan, bukan kewangan, khidmat nasihat dan bimbingan kerohanian kepada golongan B40. Dorongan ini berlaku atas beberapa faktor dalaman yang membangkitkan semangat dan keazaman NGO Islam untuk membantu golongan yang memerlukan. Faktor dalaman ini boleh dikaitkan dengan teori motivasi yang berkaitan dengan konsep sendiri. Menurut Mohamad Yusop dan Nor Zainuddin (2018), konsep sendiri dipercayai memainkan peranan penting dalam meningkatkan motivasi, pencapaian dan sosialisasi dalam kehidupan individu. Konsep sendiri mempunyai hubungan yang positif dengan motivasi seseorang individu. Individu yang mempunyai konsep sendiri yang tinggi cenderung untuk menjadi lebih bermotivasi berbanding dengan individu yang rendah konsep sendiri. Konsep diri yang positif adalah amat penting dalam membangunkan orang yang kuat disebabkan individu yang mempunyai konsep diri yang positif memiliki keyakinan diri yang lebih tinggi yang membantu dalam membangunkan personaliti yang lebih stabil.

Di samping itu, individu berkonsep sendiri positif mempengaruhi orang lain dengan menunjukkan ciri-ciri konsep sendiri positif seperti bertanggungjawab dan menghadapi cabaran dengan semangat. Mereka dapat mempengaruhi orang lain dalam usaha mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Teori motivasi sendiri amat berkait rapat dengan penglibatan NGO Islam dalam menyantuni golongan yang memerlukan. Sikap kepedulian dan keprihatinan ini ditonjolkan melalui sikap ambil berat terhadap keperitan hidup orang lain agar beban

kesusahan yang dialami dapat diringankan. Perkara inilah yang dilaksanakan oleh Aman Palestin Sabah (APS) dan Pertubuhan Kebajikan An-Najiyah (PKAN) dalam mengumpul dana dan mengagihkan bantuan COVID-19 kepada penerima B40 di Sabah.

Penglibatan individu untuk bergerak bersama NGO Islam dalam aktiviti kebajikan tidak akan berlaku sekiranya tidak mempunyai perasaan peduli terhadap orang sekeliling. Keterlibatan NGO dalam aktiviti kebajikan atas dorongan semangat persaudaraan dan juga *altruism*, iaitu naluri ingin melakukan kebaikan ataupun kebajikan terhadap individu lain (Bahari, 2009). Sesungguhnya, keprihatinan dan kepedulian terhadap masyarakat amat berkait rapat dengan ajaran Islam melalui penekanan silaturahim dan hubungan erat sesama manusia tanpa perbezaan etnik dan agama. Galakkan sikap saling tolong menolong dan bantu membantu sememangnya disarankan dalam Surah Al-Hujurat ayat 10 yang bermaksud, "*Orang-orang beriman itu sesungguhnya bersaudara. Sebab itu damaikanlah (perbaikilah hubungan) antara kedua saudaramu itu dan takutlah terhadap Allah, supaya kamu mendapat rahmat.*" Selain itu, galakkan membantu saudara seagama ini bukan sahaja dilihat daripada aspek bantuan kebendaan semata-mata tetapi turut mengambil kira sejauh mana individu Muslim tersebut bermanfaat kepada orang lain daripada segi masa, tenaga dan seluruh kehidupannya. Hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, "*Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi manusia*" (HR. Ahmad dan At-Thabrani, No: 3289). Hasil dapatan kajian menunjukkan beberapa faktor dalaman yang menonjolkan sikap kepedulian dan keprihatinan NGO Islam Aman Palestin dan Pertubuhan Kebajikan An-Najiyah dalam aktiviti bantuan COVID-19 dapat dijelaskan seperti berikut:



a) Berlumba-lumba dalam Melakukan Kebaikan

Berdasarkan temu bual secara atas-talian (*online*) bersama Timbalan Pengerusi PKAN, Encik Ridwan Bin Baharuddin menyatakan keinginan untuk berlumba-lumba melakukan kebaikan merupakan antara pendorong yang memotivasikan dirinya terlibat dalam NGO dan menginfakkan masa, wang dan tenaga untuk melaksanakan tanggungjawab sosial membantu orang yang memerlukan. Encik Ridwan menyatakan:

“Sebagai bentuk kebajikan menjadi saham akhirat ahli-ahli An-Najiyahlah. Sebab daripada An-Najiyah ahli-ahli dapat sedikit manfaat bila kami buat program-program yang membantu kebajikan masyarakat. Menjadi platform ahli-ahli yang ada untuk meluangkan masa dengan program yang sihat dan bermanfaat untuk *Fasthabiqul Khairat*.”

(Temu bual bersama Ridwan Bin Baharuddin, Timbalan Pengerusi PKAN, temubual atas talian (*google meet*) 4 Ogos 2021)

b) Mendapatkan Saham Akhirat

Berdasarkan temu bual secara atas-talian bersama Pengurus APS, Puan Jumriati Binti Abdullah menyatakan peringatan kematian dan hisab akhirat inilah yang menjadi antara motivasi atau pendorong untuk berfungsi di tengah masyarakat. Beliau berpendapat bidang kesukarelawan dan kebajikan adalah antara “ladang pahala” yang terbentang luas untuk manusia melakukan amal kebaikan berterusan demi meraih ganjaran pahala di

akhirat kelak. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Puan Jumriati Binti Abdullah:

“Sebenarnya antara motivasi dan *big why* saya, sebab saya dulu pernah susah sama seperti keadaan orang yang sedang kami bantu sekarang. Jadi bila saya turun padang dan bagi bantuan, itu membuatkan saya rasa gembira dan bahagia. Yang kedua, bila saya terlibat dengan bantuan dalam negara atau luar negara, saya sedang melihat orang-orang yang sedang diuji. Dan keadaan inilah yang buat saya kuat apabila tiba giliran saya pula yang diuji oleh Allah SWT, ini yang membuat saya berfikir kalau saya diuji ada yang lebih diuji daripada saya. Dan, satu lagi adalah bila saya ingat saat kematian. Agar kebaikan membantu orang ni, menjadi saham di akhirat.”

(Temubual bersama Jumriati binti Abdullah, Pengurus APS, temu bual atas talian (*google meet*) 6 Ogos 2021)

Hasil dapatan daripada temubual tersebut menunjukkan penglibatan NGO Islam dalam kerja kebajikan dan kesukarelawan adalah untuk memenuhi tuntutan Islam yang menggalakkan penganutnya untuk sentiasa berlumba-lumba melakukan amal kebaikan. Galakkan ini selari dengan firman Allah SWT melalui Surah Al-Baqarah ayat 148 yang bermaksud, “Dan setiap umat mempunyai kiblat yang dia menghadap kepadanya. Maka berlumba-lumbalah kamu dalam kebaikan. Di mana saja kamu berada, pasti Allah akan mengumpulkan kamu semuanya (pada hari kiamat). Sungguh, Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.” Demikian juga dengan faktor ingin mendapatkan saham akhirat yang menjadi antara faktor dalaman informan melibatkan diri dalam aktiviti

NGO untuk membantu orang yang memerlukan. Abdul Rahman, dan Muhamad (2016) menyatakan perjalanan kehidupan manusia di dunia akan berakhir dengan kematian. Kehidupan di dunia ini tidak lebih daripada sebuah persinggahan dan menjadi tempat manusia beramal sebelum berdepan dengan hisab atas segala amalannya di dunia sekali gus diberi pahala masuk syurga bagi yang beriman dan beramal salih, dan diberi seksa masuk neraka bagi orang yang ingkar dan berbuat zalim.

### Kesimpulan

Pandemik COVID-19 sememangnya memberi kesan yang begitu mendalam kepada golongan B40 yang terjejas akibat kehilangan sumber pendapatan bagi meneruskan kelangsungan hidup. Sungguhpun pelbagai bantuan disediakan oleh pihak kerajaan, manifestasi *ta'awun* yang ditunjukkan melalui aktiviti kesukarelawanan NGO Islam di Sabah sedikit sebanyak telah dapat meringankan beban tanggungan B40 sepanjang pandemik melanda. Bantuan yang diberikan oleh NGO Islam ini bukan sekadar berfokus kepada bantuan kebendaan yang bersifat *one-off* mahupun berkala tetapi turut memberikan bantuan yang mampu mengubah mentaliti dan cara hidup golongan B40 ke arah cara hidup Islami. Sejalan dengan matlamat penubuhan NGO yang berorientasikan agama Islam, kedua-dua NGO tersebut menjadikan sikap membantu orang lain dan mengutamakan kepentingan orang lain sebagai satu tanggungjawab bersama. Bantuan yang dihulurkan tanpa mengira status kewarganegaraan dan perbezaan agama mempamerkan manifestasi *ta'awun* yang dibina berasaskan kasih sayang sesama insan. Semangat untuk terus berbakti ini didorong atas faktor kekuatan dalaman yang dibina berasaskan ajaran Islam untuk sentiasa peduli terhadap ummah, berlumba-

lumba melakukan kebaikan dan mendapatkan saham akhirat. Boleh dikatakan faktor inilah yang membezakan antara NGO Islam berbanding NGO lain yang turut melaksanakan program sosial yang berorientasikan kebajikan. Kajian ini memberi impak dalam memberikan sumbangan kepada pembangunan komuniti yang lebih luas di Sabah yang melibatkan inisiatif pemberdayaan golongan terpinggir.

### Penghargaan

Ucapan penghargaan ditujukan kepada Universiti Malaysia Sabah yang telah membiayai kerja penyelidikan ini di bawah Skim Dana Khas kod geran SDK0205-2020 dan UMSGreat GUG0628-1/2023 .

### Rujukan

Abdul Rahman, N. S. & Muhammad, S. N. (2016). Aliran Perjalanan Hidup Manusia Dalam Syair Jamad Al-Qiamat. *Jurnal Kesidang*, 1(1): 50–68 (*In Malay*).

Abdul Rashid, A. A. (2020). Pengangguran dalam kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(11): 1–9.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i11.539>. (*In Malay*).

Ahmad, L. S., Khairri Shariffuddin, M. D., & Ali, N. N. S. (2016). NGO Malaysia. *Proceeding of the International Conference on Government & Public Affairs 2016 (ICOGPA2016)*, October (*In Malay*).

Bahari, A. (2009). *Menjadi Sukarelawan*. Petaling Jaya: Qarya (*In Malay*).

Che Soh, M. & Tumin, M. (2017). Sejarah dan Perkembangan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Kesihatan di Malaysia sehingga tahun 2015. *SEJARAH: Journal of the*

Department of History, 2(26): 49–70 (*In Malay*).

Embong, Z. (2016). Ta'awun Piagam Madinah dalam Pembangunan Komuniti Majmuk di Kawasan Rukun Tetangga Timur Laut dan Barat Daya, Pulau Pinang [Universiti Sains Malaysia]. In *unpublished*.

[file:///Users/andreataquez/Downloads/guia-plan-de-mejorainstitucional.pdf%0Ahttp://salud.tasbasco.gob.mx/content/revista%0Ahttp://www.revistaalad.com/pdfs/Guias\\_ALAD\\_11\\_Nov\\_2013.pdf](file:///Users/andreataquez/Downloads/guia-plan-de-mejorainstitucional.pdf%0Ahttp://salud.tasbasco.gob.mx/content/revista%0Ahttp://www.revistaalad.com/pdfs/Guias_ALAD_11_Nov_2013.pdf). (*In Malay*).

Farhan, A. (2015). al-Quran dan Keberpihakan kepada Kaum Duafa. *Jurnal Ilmiah Syi'ar*, 15(2): 1–15 (*In Malay*).

Hasbullah, N.A. & Ab Rahman, A. (2020). Peranan Pemegang Taruh dalam Menjaga Kebajikan Ekonomi Rakyat Semasa Pandemik COVID-19 dari Perspektif Ekonomi Islam. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 9(14): 71–89.

<https://doi.org/10.33102/jmifr.v17i3.285>. (*In Malay*).

Ismail, M., Fernandez, K., Musa, N. Y., & Mohd. Nawi, N. (2017). Inovasi Sosial Dalam Program Pembangunan Komuniti NGO-Berkebijakan Melayu Islam Di Malaysia. Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017 (INSAN2017) 1-2 November, Melaka. <http://ocs.uthm.edu.my/uthmocr/index.php/hsp/article/view/186> (*In Malay*).

Jumriati, A. (2021). Pengurus Aman Palestin cawangan Sabah (APS), Temu bual atas talian (*Google Meet*) 6 Ogos 2021 (*In Malay*).

Mohamad Nur, N. S., Md. Akhir, N., & Nofiah, N. A. S. (2018). Aplikasi Konsep Ta'awun dalam Praktis Kerja Sosial di

Malaysia. *Akademika*, 88(3): 55–63 (*In Malay*).

Mohamad Yusop, Y. & Nor Zainuddin, Z. (2018). Model dan Teori dalam Proses Pembangunan Modul Konsep Kendiri. (dalam) Wan Marzuki Wan Jaafar, Mohd. Izwan Mahmud, Nurul Hasyimah Mat Rani & Mazila Ghazali (Eds.). *Proceeding Regional Conference on Counselling and Career Development*, 23-24 Februari 2024, Universiti Putra Malaysia (*In Malay*).

Mohamad, H. F. (2021). Kajian Semula PGK Bukti Ketelusan Kerajaan. BH Online. (*In Malay*).

Mohamad, S.N.A & Basah, M.Y.A. (2022). Determinants of Intention to Adopt Equity-Based Financing During the Covid-19 Pandemic: A Malaysian Perspective. *Global Journal Al-Thaqafah (GJAT) Jun 2022 Special Issue*: 64-75.

Mohamed, R. (2021). Sistem Sokongan Badan Bukan Kerajaan (NGO) terhadap Gelandangan Muslim Kuala Lumpur. Universiti Kebangsaan Malaysia (*In Malay*).

Mohd. Ghazali, N., Mohd, R. A., Hoque, M., & Abd. Manan, M. (2022). Konsep Ta'awun dalam Pengurusan Rumahtangga Berdasarkan Perspektif Hadis. The 8th International Prophetic Conference (SWAN 2022) (*In Malay*).

Mustafar, F. W., Yusof, F., Dora, T., Mustaffa, F., Omar Mokhtar, M. Y., Haiqal, M., Hanafi, M., Osman, H., Azmi, A. N. (2018). Profil Gelandangan: Satu Kajian Literatur. Kolej Universiti Islam Melaka, December. [https://www.researchgate.net/publication/329772284\\_PROFIL\\_GELANDANGAN\\_SATU\\_KAJIAN\\_LITERATUR](https://www.researchgate.net/publication/329772284_PROFIL_GELANDANGAN_SATU_KAJIAN_LITERATUR). (*In Malay*)

Novanto, R. A. & Aji, T. S. (2021).

Pemberdayaan Kaum Duafa dalam Perspektif al-Qur'an. *Al-Mufassir Jurnal Ilmu Al-Qur'an, Tafsir dan Studi Islam*, 3(1): 63–76.

<https://doi.org/10.32534/amf.v3i1.1744>.

(*In Malay*).

Qomaro, G. W., & Oktasar. A. (2018). Manifestasi Konsep Ta'awun dalam Zaakwarneming Perspektif Hukum Perikatan. *Et-Tijarie*, 5(1): 11–25 (*In Malay*).

Ridwan, B. (2021). Timbalan Pengerusi Pertubuhan Kebajikan An-Najiyah (PKAN), temu bual atas talian (*Google Meet*) 4 Ogos 2021 (*In Malay*).

Sintang, S. & Tandra, M. R. (2022). Relawan ISMA dan Bantuan Covid-19 di Perkampungan Pelupusan Sampah di Sandakan, Sabah. *International Journal of Education, Islamic Studies and Social Sciences Research*, 7(2): 97–105 (*In Malay*).

Siwar, C., Zaidi, M.A.S., & Abdul Razak, N. (2019). Pemerkasaan B40: Kesejahteraan Strategi dan Implikasi Sosioekonomi. In C. Siwar, M. A. S. Zaidi, & N. A. Razak (Eds.), *Pemerkasaan B40: Kesejahteraan Strategi dan Implikasi Sosioekonomi*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (*In Malay*).

Syed Hassan, S. N. & Zakaria, N. (2011). Khidmat Sukarela : Komitmen Tulus dan Murni yang Merencanakan Kegiatan Aktiviti Fardu Kifayah. *Proceeding Article USIM Research Repository*. <http://ddms.usim.edu.my/handle/123456789/9305>. (*In Malay*).

Zahari, S. Z. & Siwar, C. (2019). Pemetaan Kemiskinan sebagai Alternatif Pengukuran Kemiskinan: Kajian Kes di Kelantan, Malaysia. (dalam) Siwar, C, Zaidi, M. A. S., & Abdul Razak, N. (Eds.), *Pemerkasaan B40: Kesejahteraan Strategi dan Implikasi Sosioekonomi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (*In Malay*).